

# Penswastaan jimatkan belanja mengurus: TPM

BH-28/2/2007.

Perpindahan pekerja ke sektor swasta kurangkan beban pentadbiran



**Mahfar Ali**  
di Jeddah

**M**ALAYSIA dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus lebih AS\$2.2 bilion (RM7.7 bilion) setahun menerusi penswastaan pelbagai projek, manakala perbelanjaan pembangunan dianggarkan AS\$44 bilion (RM153.6 bilion).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata penjimatan perbelanjaan pembangunan itu menyamai satu pertiga Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia.

Dalam ucapan bertajuk Dasar Penswastaan: Pengalaman Malaysia pada Forum Ekonomi Jeddah (JEF) di sini semalam, beliau berkata, kerajaan juga mendapat hasil dalam bentuk bayaran pajakan serta cukai secara berterusan.

Selain itu, kata Najib, beban pentadbiran kerajaan dapat dikurangkan dengan perpindahan 113,000 kakitangan sektor awam ke sektor swasta.


Menghuraikan terperinci dasar yang diperkenalkan sejak awal 1980-an itu, Najib bagaimanapun berkata, dasar berkenaan juga memberi kerajaan banyak pengajaran berharga sepanjang pelaksanaannya.

Pertama, kerajaan seboleh mungkin mesti membenarkan persaingan dalam menswastakan aset atau konsesi serta memastikan proses berkenaan dilakukan secara telus dan adil.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun mempunyai agenda nasional bagi membantu kumpulan yang masih lemah, kerajaan mesti memastikan golongan itu bersaing di kalangan mereka supaya yang mempunyai kemahiran, keupayaan dan sumber saja dipilih.

Kerajaan juga, katanya, mesti mempunyai kawalan mencukupi supaya dapat menuntut kembali aset dan konsesi yang diswastakan apabila keadaan memerlukan.

"Contohnya, jika penduduk Islam



**KERJASAMA SERANTAU:** Najib menyampaikan ucapan tama pada Forum Ekonomi di Jeddah, semalam.

atau warga kita hendak diberi peluang yang lebih daripada kumpulan lain, kita mesti pastikan yang paling berupaya saja dipilih dan mengenakan syarat yang bukan saja

**“ Kerajaan mesti berkeupayaan mengenal pasti dan menilai kewajaran perdagangan, teknikal serta kewangan semua projek yang berpotensi untuk diswastakan ”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

menggalakkan kejayaan mereka, malah meminimumkan risiko kemungkinan kerajaan terpaksa menanggung beban pada masa depan,” katanya.

Najib juga mengingatkan mengenai pentingnya keseimbangan kuasa dan kemahiran antara kerajaan dan sektor swasta.

“Kerajaan mesti mempunyai keupayaan mengenal pasti dan menilai kewajaran perdagangan, teknikal serta kewangan semua projek yang berpotensi untuk diswastakan bagi melindungi kepentingan pembayar cukai,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mesti sentiasa peka terhadap kebimbangan rakyat berhubung caj yang dikenakan selepas penswastaan serta kenaikan tarif.

Beliau berkata, pada dasarnya tarif dan caj ditentukan kuasa pasaran, tetapi kerajaan mesti mempunyai ka-

walan mutlak dalam industri yang dimonopoli, seperti telekomunikasi, bekalan air dan elektrik serta lebuhraya.

Najib juga berkata, kerajaan dan swasta mestilah menanggung bersama risiko apabila memasuki persaingan baru penswastaan termasuk membaharui konsesi sebelum ini.

Berdasarkan pengalaman lalu, katanya, Malaysia memperkenalkan kaedah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dalam melengkapi rangka penswastaan sedia ada.

Katanya, menerusi PFI pulangan sektor swasta bergantung sepenuhnya kepada tahap pencapaian dan hasil aset sepanjang kontrak.

Pada akhir ucapannya, Najib mengajak negara Islam bersatu padu dan bekerjasama dalam satu keluarga supaya dapat berkongsi kekuatan dan mempelajari kelemahan masing-masing.